

# OIC perlu tingkat kerjasama ekonomi

Daripada **Makhar, Al-BH** 13 NOV 2000

DOHA, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mempromosikan pelaburan langsung Islam (MDI) selaras dengan perkembangan ekonomi dalam era globalisasi.

Dalam ucapannya pada hari pertama sidang kemuncak kesembilan OIC di sini hari ini, Perdana Menteri berkata OIC mesti memulakan usaha yang serius untuk memastikan globalisasi menjadi alat berkesan dalam menyatupadu dan membangunkan negara Islam serta ummah. Sehubungan itu, Dr Mahathir yang berucap mewakili kumpulan Asia berkata sudah tiba masanya anggota OIC meningkatkan kerjasama ekonomi

**Negara Islam yang semuanya masih membangun dan lemah, akan dijajah semula dan menjadi sebahagian empayar Barat sekiranya konsep globalisasi diterima dalam bentuknya sekarang**

dan bahaya globalisasi yang dipelopori Barat.

Dalam ucapan bertajuk 'Islam dan Globalisasi', Perdana Menteri berkata negara Islam yang semuanya masih membangun dan lemah, akan dijajah semula dan menjadi sebahagian empayar Barat sekiranya konsep globalisasi diterima dalam bentuknya sekarang.

logi maklumat.

"Inilah jihad kita yang sebenar. Saya yakin kita mempunyai kebolehan dan kemampuan untuk memastikan jihad ini berjaya. Malah, kita mungkin dapat mengembalikan zaman kegemilangan Islam," katanya.

Dalam soal jawab selepas pertemuan itu, Dr Mahathir berkata negara

dan menghapuskan sebarang halangan yang boleh menyekat aliran perdagangan di kalangan negara Islam.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir menyarankan anggota OIC yang kaya supaya membuat pelaburan di negara Islam yang mempunyai pengetahuan dan teknologi tetapi kekurangan modal.

"Pelabur dari negara terbabit juga boleh bergabung untuk melabur di negara Islam yang memiliki kekayaan sumber tetapi kekurangan modal dan kemahiran.

"Banyak produk yang kini diimport negara Islam, boleh dihasilkan dari negara Islam lain tanpa mengorbankan kualiti atau meningkatkan kos," katanya.

Perdana Menteri berkata, mempermudah aliran perdagangan juga dapat memperluaskan pasaran negara Islam, sekaligus menarik pelaburan langsung asing (FDI).

Sebelum itu, dalam temuannya dengan ahli perniagaan dan intelektual Islam di sini malam tadi, Dr Mahathir menghuraikan secara terperinci konsep

Dr Mahathir berkata, negara Islam pernah menguasai dunia, tetapi kini menjadi lemah dan terpaksa bergantung kepada orang lain akibat perbalahan berhubung tafsiran agama hingga ketinggalan dalam revolusi industri.

Sekarang ini, katanya, umat Islam juga ketinggalan dalam era teknologi maklumat kerana sibuk bertelagah dalam soal agama dan politik yang masih tidak berkesudahan.

"Ini amat menyedihkan kerana kita mempunyai kemampuan untuk menyertai pembangunan IT. Malah, ramai umat Islam yang berkemahiran tinggi kini tinggal di negara Barat kerana kita tidak mempunyai tempat untuk mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, golongan itu sepatutnya digalakkan pulang ke tanah air masing-masing dan dengan kemahiran serta ilmu mereka, negara Islam mungkin dapat menangkis sebahagian kesan buruk globalisasi.

Katanya, negara Islam juga mesti membangunkan ummah ke arah menguasai tekno-

Islam seharusnya mengteipikan perbezaan pendapat dan dalam isu tertentu, seperti globalisasi, semua pihak mesti bersatu dan bertindak dalam satu suara.

"Kita tidak boleh lagi memencilkan diri dan tidak mungkin dapat mengelaknya. Sekiranya kita berpegang teguh pada nilai Islam, kita akan berjaya," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga sedia berkongsi pengalamannya termasuk dengan negara Arab dan yakin kerjasama itu dapat dilakukan kerana kedua-duanya mempunyai persamaan, iaitu beragama Islam.

Pada sesi dialog itu, beberapa peserta turut memuji Dr Mahathir kerana berjaya membangunkan negara dan menangani krisis kewangan menggunakan pendekatan sendiri.

Terdahulu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar melancarkan buku *The New Deal for Asia* karya Dr Mahathir. Buku itu diterbitkan dalam bahasa Arab. Kira-kira 200 ahli perniagaan dan intelektual Islam menghadiri majlis itu.